

01 OCT 1998

Pemuda-Zahid

PENDIRIAN PEMUDA UMNO TERHADAP ZAHID KEKAL

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Pergerakan Pemuda UMNO tetap dengan pendiriannya meminta Majlis Tertinggi parti itu mengambil tindakan tatatertib terhadap ketuanya Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang dibebaskan semalam dari tahanan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Naib ketuanya Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, pergerakan itu kekal dengan pendirian hilang kepercayaan terhadap Zahid dan sehingga kini tiada permintaan daripada mana-mana anggota exco pergerakan untuk mengadakan mesyuarat bagi membincangkan semula pendirian berkenaan.

"Keputusan Pemuda bukanlah keputusan saya seorang diri dan perkara ini telah juga dipanjangkan kepada MT," katanya kepada pemberita selepas majlis anugerah dan ulangtahun ke-13 Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini hari ini.

Exco Pemuda UMNO minggu lalu mengambil keputusan hilang kepercayaan terhadap Zahid dan mengemukakan aduan rasmi kepada MT pada 24 Sept lepas mengenai perkara itu kerana dia dikatakan tidak menyokong dan melaksanakan keputusan MT UMNO memecat dari parti bekas timbalan presiden UMNO Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 3 Sept lalu.

Pemuda juga menganggap Zahid menyokong Anwar yang cuba menamatkan "gerakan reformasi" menjatuhkan kerajaan yang sedia ada selepas beliau dipecat dari jawatan timbalan perdana menteri dan menteri kewangan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sehari sebelum itu atas sebab perilaku tidak bermoral.

MT pada mesyuaratnya Selasa depan (6 Okt) dijangka membincangkan kedudukan Zahid serta dua anggota exco Pemuda iaitu Ruslan Kassim dan Dr Rahim Ghouse dan penolong setiausaha pergerakan Saifuddin Nasution Ismail yang dikatakan turut menyokong gerakan reformasi itu.

Hishammuddin bagaimanapun menyambut baik dan gembira dengan pembebasan Zahid yang juga anggota Parlimen Bagan Datoh dan beliau memang merancang untuk bertemu dengan ketuanya itu sedikit masa lagi.

"Berilah dia ruang dan masa untuk bersama keluarga terlebih dahulu sebelum saya menemuinya untuk membincangkan mengenai masa depan parti dan negara," katanya.

"Yang penting bagaimana kita perlu berusaha merapatkan barisan dan mempertahankan parti supaya kita boleh bekerjasama kepada gerakan yang membina dan bukannya gerakan yang boleh merosakkan," katanya.

Beliau juga berkata Pemuda Barisan Nasional (BN) sedang mendapatkan permit polis untuk menganjurkan Perhimpunan Perdana di Stadium Nasional di Bukit Jalil pada 10 Okt ini.

Setakat ini sambutan daripada anggota Pemuda parti komponen BN sangat menggalakkan untuk mengadakan perhimpunan itu yang akan dijalankan dengan penuh semangat kekeluargaan dan kemesraan tanpa menimbulkan sebarang masalah, katanya.

-- BERNAMA

RZS AKD